



Tel: +(6)07-5537876 Faks: +(6)07-5537592/37800 www.sps.utm.my Emel: graduate@utm.my

Rujukan kami : UTM.J.10.01/14.14/1/6 Jld 2 (64)

Tarikh : 23 Januari 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBrs. Prof./Dr./Saudara,

PENSTRUKTURAN SEMULA KOMPONEN PERBELANJAAN BAGI YURAN PEPERIKSAAN LISAN PROGRAM SARJANA FALSAFAH DAN DOKTOR FALSAFAH

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2/2025 bertarikh 22 Januari 2025 telah meluluskan cadangan penstrukturan semula komponen perbelanjaan bagi yuran peperiksaan lisan program Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah. Antara perkara yang ditambahbaik di dalam penstrukturan ini adalah seperti berikut:

- 2.1 Had maksimum tambang kapal terbang pemeriksa luar adalah diselaraskan daripada RM 1,700.00 kepada RM 1,100.00. Bagi pemeriksa luar yang nilai tiket melebihi RM 1,100.00, peperiksaan lisan digalakkan secara dalam talian atau fakulti boleh menggunakan tabung peperiksaan lisan fakulti sekiranya diperlukan;
- 2.2 Pengenalan elaun Pengerusi sebanyak RM 100.00 bagi staf yang dilantik sebagai Pengerusi bagi sesi peperiksaan lisan program Sarjana Falsafah;
- 2.3 Bayaran elaun pemeriksaan tesis bagi program Doktor Falsafah diselaraskan daripada RM 600.00 kepada RM 900.00 bagi pemeriksa luar dan daripada RM 300 kepada RM 600 bagi pemeriksa dalam;
- 2.4 Bayaran elaun pemeriksaan tesis bagi program Sarjana Falsafah diselaraskan daripada RM 400.00 kepada RM 600.00 bagi pemeriksa luar dan daripada RM 200.00 kepada RM 400.00 bagi pemeriksa dalam;
- 2.5 Elaun keraian bagi sesi peperiksaan lisan Sarjana Falsafah diselaraskan daripada RM 50.00 kepada RM 100.00;
- 2.6 Pengenalan elaun perkhidmatan kurier sebanyak RM 50.00 bagi program Sarjana Falsafah; dan
- 2.7 Bagi sesi peperiksaan lisan program kedoktoran dan Sarjana Falsafah yang melibatkan tiga pemeriksa, pemeriksa luar kedua akan dibayar dengan elaun pemeriksaan tesis yang sama. Walau bagaimanapun, hanya pemeriksa luar pertama sahaja yang wajib menghadiri sesi viva. Kehadiran pemeriksa luar kedua diperlukan jika keputusan pemeriksaan tesis adalah tidak memuaskan diberi (C dan ke bawah) oleh mana-mana pemeriksa (*Perkara 2.3.4.7.2. Kehadiran Pemeriksa, Prosedur Penyelidikan Pascasiswazah, 2022*). Peruntukan yang melebihi daripada yang ditetapkan akan menggunakan tabung peperiksaan lisan fakulti.

3. Sila rujuk Jadual seperti di Lampiran bagi perincian Perkara 2 di atas. Sebagai tambahan, penstrukturan ini tidak melibatkan implikasi kepada caj yuran peperiksaan lisan kepada pelajar yang mana kadar yuran sedia ada yang dikenakan sebanyak RM2,500.00 bagi pelajar Doktor Falsafah dan RM1,500.00 bagi pelajar Sarjana Falsafah adalah kekal.


4. Pelaksanaan keputusan ini adalah berkuat kuasa bagi surat lantikan pemeriksa yang dikeluarkan **mulai 1 Februari 2025**. Sehubungan itu, pihak fakulti hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya termasuk memaklumkan perkara ini kepada semua staf yang terlibat dalam pengurusan akademik pascasiswazah di fakulti.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(GANESAN A/L ANDIMUTHU)

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia

☎ +607-533 7780

✉ ganesan@utm.my

s.k Pengerusi, Sekolah Pengajian Siswazah
Timbalan Pengerusi (Pembangunan Sistem & Profesional)
Timbalan Pengerusi (Program Pesisir & Khas)
Bendahari (u/p: Unit Bayaran)

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT)
Fakulti Komputeran (FC)
Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)
Fakulti Sains (FS)
Fakulti Pengurusan (FM)
Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST)
UTM, Johor Bahru

Dekan

Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)
Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)
Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)
UTM, Kuala Lumpur

LAMPIRAN

**Jadual Perbandingan Perincian Perbelanjaan bagi Caj Yuran Peperiksaan Lisan
Sebelum dan Selepas Penstrukturan**

PERKARA	SEBELUM		SELEPAS	
	SARJANA FALSAFAH	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA FALSAFAH	DOKTOR FALSAFAH
1. HASIL				
Yuran Peperiksaan Lisan	RM 1,500.00	RM 2,500.00	RM 1,500.00	RM 2,500.00
Yuran Laporan Kemajuan Penilaian Peringkat Pertama (<i>Progress Report & First Assessment</i>)	RM 600.00	RM 900.00	RM 600.00	RM 900.00
JUMLAH HASIL	RM 2,100.00	RM 3,400.00	RM 2,100.00	RM 3,400.00
2. PERBELANJAAN				
Bayaran Pemeriksa Luar	RM 400.00	RM 600.00	RM 600.00	RM 900.00
Bayaran Pemeriksa Dalam	RM 200.00	RM 300.00	RM 400.00	RM 600.00
Bayaran Pengerusi	-	RM 200.00	RM 100.00	RM 200.00
Bayaran Pembantu Pengerusi	-	RM 100.00	-	RM 100.00
Tambang Kapal Terbang Pemeriksa Luar*	RM 1,700.00	RM 1,700.00	RM 1,100.00	RM 1,100.00
Penginapan Pemeriksa Luar	RM 350.00	RM 350.00	RM 350.00	RM 350.00
Keraian	RM 50.00	RM 100.00	RM 100.00	RM 100.00
Perkhidmatan Kurier	-	RM 50.00	RM 50.00	RM 50.00
JUMLAH PERBELANJAAN	RM 2,700.00	RM 3,400.00	RM 2,700.00	RM 3,400.00

Nota:

*RM1,100.00 adalah anggaran kasar untuk perbelanjaan pergi-balik tambang kapal terbang/tambang gantian. Walaubagaimanapun Fakulti diminta memilih tawaran tambang yang terendah sepertimana pekeliling Jabatan Bendahari. Bagi pelajar Sarjana Penyelidikan, pihak universiti masih perlu memberikan subsidi dan melaksanakan penjimatan.